

16/11/1998

PM kesal campur tangan luar dalam politik negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyuarakan kebimbangannya pada sidang kemuncak Apec berhubung sikap sesetengah orang yang membuat keputusan dan memberi pandangan terhadap keadaan ekonomi dan politik di Malaysia tanpa membuat penyiasatan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, beliau mungkin membangkitkan perkara itu jika ada pihak menyuarakan isu berkaitan hal ehwal dalaman Malaysia dalam sidang berkenaan pada Selasa dan Rabu ini.

Dr Mahathir berkata, pihak terbabit hanya bergantung kepada laporan media `yang kebanyakannya melaporkan perkara yang tidak tepat'.

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard baru-baru ini bahawa beliau mahu membangkitkan berhubung cara layanan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditahan.

Ditanya sama ada bersesuaian bagi dua menteri Kanada bertemu dengan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah semalam, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu ia bersesuaian atau tidak.

"Saya tidak mempunyai kaedah untuk menentukan standard bagi perkara seperti ini. Orang lain menetapkan standard bagi kita dan kita sepatutnya mematuhi."

"Tetapi jika orang lain fikir campur tangan dalam hal ehwal orang lain adalah sah, mereka dialu-alukan untuk berbuat demikian," katanya.

Menteri Luar Kanada, Lloyd Axworthy dan Menteri Perdagangan, Sergio Marchi bertemu Dr Wan Azizah pada satu majlis makan tengah hari semalam.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir juga bimbang dengan tindakan sesetengah ahli politik tempatan menggunakan kedudukan untuk campur tangan dalam urusan polis.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak kluatir dengan kewibawaan polis, tetapi lebih bimbang dengan tindakan ahli politik yang cuba menggunakan kedudukan mereka bagi mempengaruhi polis melakukan perkara yang salah.

Katanya, ini meletakkan pasukan itu dalam kedudukan yang sukar kerana mereka sentiasa menganggap pemimpin negara sebagai ketua mereka.

Mengenai demonstrasi yang dilakukan penyokong Anwar semalam, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya tidak melihatnya. Apa yang berlaku?" Dalam dialog dengan peserta selepas ucapan perasmianya pula, Dr Mahathir yakin sebahagian besar pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak Apec kali ini sudah tentu menjangka mereka akan mengunjungi negara yang berada dalam kekacauan yang buruk dan tidak stabil.

"Kami berupaya menjadi tuan rumah Apec yang baik, memberi layanan mesra kepada pengunjung dan memastikan mereka selesa meskipun mereka tidak mahu bercakap dengan kita," katanya sambil disambut tepukan bergemuruh oleh lebih 600 peserta dalam dan luar negara.

Perdana Menteri menjelaskan adalah sukar bagi beliau untuk mempercayai laporan media asing mengenai keadaan buruk yang berlaku di negara lain kerana Malaysia sendiri menjadi mangsa laporan seumpama itu apabila diberi gambaran bahawa kekacauan di negara ini sangat buruk sedangkan hakikatnya tidak begitu.

Dalam dialog yang sama, seorang ahli perniagaan Filipina memuji ketegasan dan ketepatan jangkauan Perdana Menteri dalam penilaiannya terhadap ekonomi dunia.

Beliau yang mengaku pernah mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri dalam sidang yang sama di Manila pada 1996 menganggap Dr Mahathir sebagai

`heronya' ketika itu apabila Dr Mahathir seorang saja yang berani menyatakan sesuatu yang diyakininya mengenai ekonomi dunia.

Kini, katanya, apabila Perdana Menteri membuat andaian yang tepat mengenai ekonomi dunia yang turut diakui oleh pemimpin asing antarabangsa lain, kekaguman beliau bertambah.

"Anda masih hero saya," katanya.

Menjawab pertanyaan itu, Perdana Menteri, menjelaskan sebagai doktor, beliau menyedari bahawa seseorang itu tidak akan mengerti kesakitan orang lain sehingga mereka sendiri menghadapi penyakit itu.

"Buat masa yang lama, pemimpin Barat mengatakan bahawa krisis ekonomi yang melanda Asia itu adalah fenomena Asia yang tidak akan dirasai oleh Barat. Laporan ada menyebut Amerika dan Eropah tidak akan terkena krisis itu.

"Kini, ia turut dirasai cuma dari sudut yang lain. Kami terasa dari sudut mata wang, manakala Barat pula terasa dari sudut pelaburan," katanya.

Perdana Menteri juga meminta masyarakat antarabangsa supaya tidak cuba meraih kekayaan dengan cara memiskinkan negara jiran mereka kerana lambat laun negara jiran yang miskin akan turut membebankan mereka.

(END)